

PM panggil 'haram jadah', ANAK mahu saman
MalaysiaKini.com
May 13, 2012
Oleh Nigel Aw

Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) menuntut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak memohon maaf kerana menyifatkan golongan peneroka yang membantah penyenaian Felda Globa Ventures Holdings sebagai "haram jadah."

Ketua penerangan PAS Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, perdana menteri tidak sepatutnya menyebut kata-kata makian bermaksud "anak luar nikah" itu ke atas rakyat negara ini.

Katanya, golongan peneroka tersebut berhak menentang penyenaian tersebut, demi kepentingan mereka dan tindakan itu tidak patut menyebabkan mereka dipanggil sedemikian.

ANAK, yang merupakan NGO bawah PAS, akan mengambil tindakan undang-undang ke atas Najib sekiranya tidak menarik balik kenyataan itu dalam tempoh 14 hari, kata Tuan Ibrahim lagi.

Najib membuat kenyataan sedemikian pada 18 Mei lalu ketika mengumumkan bayaran RM15,000 kepada isi rumah Felda, sebagai insentif kepada penyenaian FGVH ke Bursa Malaysia.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/197789>